

DALAM TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA
KES T-752-2011
DI JOHOR BHARU, JOHOR, MALAYSIA
=====

ANTARA

Hairudin bin Md Talib

... Pemohon

DAN

1. Rahmat bin Ali
2. Haji Abd Hamid bin Abdullah
3. Haji Ahmad bin Shoodi

.... Responden

Di hadapan:

Pengerusi Tribunal : Tuan Hamidun bin Datuk Haji Abdul Fatah

Anggota Panel SKM : Tuan Abd Latib bin Talib

Anggota Panel Koperasi : Tuan Haji Ibrahim bin Haji Abdullah

Alasan Award

PENGENALAN

Pemohon ialah bekas Pengurus Ladang dan juga bekas anggota Koperasi Serbaguna Kg Jawi Berhad (dirujuk sebagai “Koperasi tersebut”) manakala Responden-Responden iaitu Rahmat bin Ali (dirujuk sebagai “Responden 1”), Haji Abd Hamid bin Abdullah (dirujuk sebagai “Responden 2”) dan Haji Ahmad bin Shoodi (dirujuk sebagai “Responden 3”) (dan kesemua Responden 1, Responden 2 dan Responden 3 dirujuk sebagai “Responden-Responden”) adalah bekas Anggota Lembaga Koperasi (ALK) masing-masingnya bekas Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Koperasi.

Pertikaian ini merupakan tuntutan oleh Pemohon iaitu bekas Pengurus Ladang yang juga bekas anggota Koperasi tersebut dengan Nombor Keanggotaan “018” terhadap pemberhentian yang terancang ke atas beliau sebagai Pengurus Ladang Koperasi tersebut dan perkara-perkara mengenai pemecatan keanggotaan beliau dalam Koperasi tersebut oleh Responden-Responden. Pemohon mempertikaikan tindakan yang dilakukan oleh Responden 1 iaitu Rahmat bin Ali yang mempengaruhi Responden 2 dan 3, pihak pengurusan dan lain-lain Anggota Lembaga Koperasi untuk memberi tekanan agar beliau meletakkan jawatan sebagai Pengurus Ladang dan melepaskan keanggotaan beliau sehingga membawa kepada penggantungan dan pemecatan beliau sebagai anggota Koperasi tersebut dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2008 (dirujuk sebagai “MAT”).

Pemohon memberikan keterangan melalui Pernyataan Saksi Bertulisnya dan tidak memanggil mana-mana saksi lain manakala Responden-Responden telah memanggil tiga orang saksi iaitu Iszarida binti Ismail (SR1), Mohd Nasir bin Karibon @ Abd Shukor (SR2) dan Tuan Haji Mohd Huzaini @ Huzaironi bin Jufrin (SR3).

FAKTA KES

Pemberhentian Terancang Jawatan Pengurus Ladang dan Penarikan Keanggotaan Pemohon

Secara umumnya pertikaian ini bermula apabila Pemohon mendakwa dipecat daripada jawatan Pengurus Ladang. Pemohon mendakwa Responden 1 telah berpakat dan bersubahat dengan Responden 2 dan 3 untuk mempengaruhi ALK tersebut untuk memecat Pemohon secara terancang.

Menurut Pemohon, Responden 1, iaitu bekas Pengerusi Koperasi telah meminta beliau untuk hadir ke pejabat Koperasi tersebut pada 21 April 2003 dan mendesak beliau untuk menandatangani surat-surat perletakan jawatan sebagai Pengurus Ladang dan melepaskan keanggotaan beliau dalam Koperasi yang disediakan oleh Responden 1. Beliau sebaliknya telah mendraf semula surat perletakan jawatan beliau sebagai Pengurus Ladang dan surat pemberhentian beliau daripada menganggotai Koperasi tersebut. Surat-surat tersebut telah ditaip oleh seorang pekerja Koperasi iaitu SR 1 pada hari tersebut.

Surat perletakan jawatan sebagai Pengurus Ladang dan surat menarik keanggotaan daripada Koperasi telah dikebelakangkan tarikhnya masing-masing pada 1.4.2003 dan 14.4.2003 seperti yang dirujuk dalam Eksibit P1 mukasurat 26 dan 27 dan pada mukasurat 27 dan 28 Ikatan Dokumen Responden (R4). Menurut SR1, Responden 1 telah mengarahkannya supaya menaip tarikh 1.4.2003 untuk tarikh surat perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang dan 14.4.2003 sebagai tarikh surat penarikan keanggotaan Pemohon daripada Koperasi dan kedua-dua surat itu telah ditaip olehnya pada hari yang sama. SR1 tidak ingat tarikh ia menaip surat-surat tersebut tetapi beliau pasti tarikh pada surat-surat tersebut bukan merupakan tarikh hari beliau menaip surat-surat tersebut.

Menurut SR1 lagi, Pemohon telah menandatangani kedua-dua surat tersebut pada hari yang sama surat itu ditaip olehnya. SR1 juga diarahkan oleh Responden 1 untuk mengecop terima surat-surat tersebut pada hari itu juga selepas ia ditandatangani oleh Pemohon. Surat perletakan jawatan sebagai Pengurus Ladang oleh Pemohon telah dicop terima oleh SR1 pada 3.4.2003 manakala surat penarikan keanggotaan Pemohon daripada Koperasi telah dicop terima oleh SR1 pada 14.4.2003 dan kedua-dua tarikh tersebut dimasukkan atas arahan Responden 1. Kesemuanya berlaku pada hari yang sama dalam satu transaksi yang sama.

Namun demikian, pada Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Edisi 5/2003 pada 30.3.2003, jam 9.30 pagi dalam Eksibit P1, mukasurat 5 perenggan 7.6, ada dibincangkan mengenai perletakan jawatan Pengurus Ladang. Dalam Mesyuarat tersebut, Pengerusi iaitu Responden 1 memberitahu Mesyuarat bahawa setelah beliau berbincang dan memberi pandangan bahawa Pemohon bersetuju melepaskan jawatan sebagai Pengurus Ladang. Sehubungan dengan itu juga, Responden 1 memberi pandangan agar Pemohon yang telah meletakkan jawatannya diberi saguhati. Seorang Ahli Lembaga Koperasi yang bernama Tuan Haji Razikan Bin Haji Tahir ada menyuarakan pendapatnya bahawa sekiranya Pengurus Ladang (Pemohon) telah meletakkan jawatannya, Pengurus Ladanglah yang sepatutnya membayar kepada Koperasi tiga bulan gaji dan Koperasi tidak perlu membayar apa-apa. Akhirnya, Majlis (kesemua ahli-ahli ALK) sebulat suara bersetuju memberikan Pengurus Ladang saguhati sebanyak RM20,000.00.” Namun Pemohon menyatakan bahawa sehingga kes ini dibawa kepada Tribunal, pihak Koperasi masih belum menjelaskan saguhati tersebut.

Responden 1 pula mendakwa bahawa Pemohon telah melakukan beberapa salahlaku yang serius dan Ahli Lembaga Koperasi telah berpuas hati bahawa Pemohon wajar dipecat. Akan tetapi, Pemohon telah dengan sukarela

meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang melalui surat bertarikh 1.4.2003.

Antara salahlaku yang didakwa dilakukan oleh Pemohon adalah sebagaimana berikut:

- 1) tidak hadir bertugas;
- 2) menjual hasil ladang kepada peraih lain yang bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga Edisi Ke-3 bertarikh 25.12.2002;
- 3) pembelian baja tanpa kebenaran dan/atau keputusan daripada Lembaga Koperasi;
- 4) kehilangan jentera JCB;
- 5) perbezaan bayaran kepada pihak Agrotrop (konsultan/perunding).

Pada 7 dan 17.4.2003, Responden 2 telah mengeluarkan surat bagi pihak Koperasi kepada Pemohon memaklumkan bahawa Koperasi telah menerima perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang di mana perletakan jawatan tersebut akan berkuatkuasa pada 30.4.2003 iaitu tempoh satu bulan dari tarikh surat perletakan jawatan tersebut. Namun begitu, surat bertarikh 7.4.2003 telah dipulangkan kepada Koperasi dengan catatan tidak diterima oleh penerima bertarikh 21.5.2003 manakala surat bertarikh 17.4.2003 telah dipulangkan dan diterima balik oleh Koperasi pada 30.4.2003. Dengan kata lain, Pemohon tidak menerima kedua-dua surat Koperasi tersebut.

Penangguhan Penarikan Keanggotaan Pemohon

Pada 15.3.2004 iaitu pada mukasurat 33 Eksibit R4, susulan kepada Mesyuarat Anggota Edisi Khas Anggota Lembaga bertarikh 7.3.2004, Responden 2 telah mengeluarkan suatu surat kepada Pemohon yang memaklumkan bahawa ALK Koperasi tersebut telah memutuskan untuk menangguhkan penarikan keanggotaan Pemohon daripada Koperasi kerana 'masalah Jentera JCB yang

telah hilang masih belum selesai'. Surat tersebut juga memaklumkan bahawa Koperasi tersebut akan memaklumkan kepada Pemohon keputusan mengenai penarikan keanggotaan Pemohon sebelum Mesyuarat Agung Tahunan ke-29/2004.

Pada 21.3.2005, Responden 2 telah menandatangani surat bagi pihak Koperasi kepada Pemohon iaitu pada mukasurat **61 Eksibit R4** yang memaklumkan bahawa ALK telah bersetuju secara sebulat suara untuk menerima kembali Pemohon sebagai anggota Koperasi tersebut melalui 'Nombor Anggota 018'. Akibatnya, Pemohon mengalami kekeliruan dan ketidaktentuan mengenai kedudukan keanggotaannya dalam Koperasi dan beliau mengingatkan SR2 supaya jangan memerangkapnya ketika SR2 berjumpa Pemohon untuk membincangkan perkara tersebut.

Tindakan Mahkamah Oleh Pemohon Dan Pemecatan Keanggotaan Pemohon

Walau bagaimanapun, ekoran daripada Pemohon tidak berpuashati dengan tindakan yang dilakukan oleh pihak Koperasi terhadap beliau yang dinyatakan sebagai pemberhentian yang terancang (**rujuk mukasurat 62-69 Eksibit R4**), Pemohon telah menfailkan saman terhadap Koperasi di Mahkamah Sesyen di Johor Bahru pada 17.10.2005 (**rujuk mukasurat 120 Eksibit P1**). Walau bagaimanapun, tuntutan tersebut telah ditarik balik oleh Pemohon untuk memfaikannya semula ke Mahkamah Tinggi. Namun begitu, Pemohon telah tidak meneruskan tuntutan tersebut. Ekoran daripada tindakan Pemohon memfailkan tuntutan mahkamah terhadap Koperasi, Koperasi telah menanggung perbelanjaan yang banyak untuk membuat pembelaan dan membayar elaun ALK yang berurusan di mahkamah. Oleh itu Koperasi telah mengambil tindakan tatatertib ke atas Pemohon kerana menyaman Koperasi di Mahkamah.

Melalui Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Edisi Khas bertarikh 23.6.2008, surat tunjuk sebab bertarikh 24.6.2008 telah dikeluarkan kepada Pemohon

mengapa keanggotaan Pemohon dalam Koperasi tidak boleh digantung. Koperasi telah tidak berpuashati dengan jawapan yang diberikan oleh Pemohon dan seterusnya Koperasi menghantar surat Notis Penggantungan Sebagai Anggota Koperasi - Anggota No. 018 kepada Pemohon bertarikh 28.9.2008. Akhirnya keanggotaan Pemohon sebagai anggota Koperasi No. 18 telah dipecat dalam Mesyuarat Agung Koperasi pada 25.10.2008 berdasarkan kepada alasan bahawa Pemohon telah memudaratkan Koperasi kerana memfailkan saman terhadap Koperasi di Mahkamah.

PERTIKAIAN PEMOHON

Pemohon telah memfailkan Borang A pada 9.1.2012 untuk merujukkan pertikaianya dengan Responden-Responden kepada Tribunal iaitu mengenai:

- (i) pemberhentian terancang ke atas Pemohon sebagai Pengurus Ladang oleh Responden 1 yang mempengaruhi pihak Pengurusan dan lain-lain Ahli Lembaga Koperasi (Responden 2 dan Responden 3) untuk mendesak dan menekannya supaya melepaskan jawatan Pengurus Ladang; dan
- (ii) pemecatan keanggotaan Pemohon (Nombor Keanggotaan 018) dalam Koperasi.

Responden-Responden pula membangkitkan isu-isu berikut untuk diputuskan oleh Tribunal:

- (i) Samada tindakan tuntutan pemecatan terancang dihalangi had masa?
- (ii) Samada Tribunal mempunyai bidang kuasa mendengar isu pemecatan terancang?

- (iii) Samada Pemohon dipecat secara terancang atau meletakkan jawatan sebagai Pengurus Ladang?
- (iv) Samada Pemohon dilucutkan keanggotaan ahli Koperasi tersebut secara sah?
- (v) Samada Responden bertanggung secara bersesama dan berasingan dalam pemecatan terancang sebagai Pengurus Ladang dan/atau perlucutan keanggotaan ahli Pemohon?

Pertikaian mengenai pemberhentian terancang ke atas Pemohon sebagai Pengurus Ladang oleh Responden 1 yang mempengaruhi pihak Pengurusan dan lain-lain Ahli Lembaga Koperasi (Responden 2 dan Responden 3) untuk mendesak dan menekannya supaya melepaskan jawatan Pengurus Ladang

Hujahan Pemohon

Pemohon menghujahkan bahawa Pemohon memfailkan tuntutan di Mahkamah terhadap Koperasi di dalam kapisitinya sebagai bekas Pengurus Ladang terhadap Responden sebagai majikannya dan bukannya sebagai anggota Koperasi. Pemohon menyatakan bahawa perletakan jawatannya sebagai Pengurus Ladang adalah atas desakan Responden-Responden. Semua alasan melalui jawapan bertulis yang dikemukakan olehnya kepada pihak pengurusan tidak diambil peduli sehinggalah pada tarikh 21.4.2003 beliau diarahkan hadir ke pejabat oleh Responden 1 untuk menyediakan dan menyerahkan surat perletakan jawatan dengan arahan tarikh dikebelakangan pada 1.4.2003. Responden 2 setelah mendapat penjelasan dan penerangan daripada bekas Pengerusi Koperasi iaitu Tn Hj. Abd Majid bin Asmay, telah berjumpa dengan Pemohon selepas lebih kurang satu bulan Pemohon meletakkan jawatannya dan telah berusaha untuk membetulkan semula keadaan.

Bayaran saguhati yang telah dipersetujui oleh ALK untuk dibayar kepada Pemohon pada Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Edisi 5/2003 pada 30.3.2003 tidak pernah dibayar kepada Pemohon walaupun nilainya tidak seberapa (RM20,000.00) jika dibandingkan dengan khidmat Pemohon dengan Responden sepanjang 13 tahun. Adalah jelas Pemohon merasakan yang dirinya telah dianiaya oleh Responden-Responden kerana menurut pengiraan Pemohon, beliau sepatutnya dibayar sebanyak 20 bulan gaji dan 10 bulan bonus atas nilai gaji terakhir berdasarkan kepada perkiraan yang Pemohon perolehi dari pihak Sumber Manusia.

Hujahan Responden-Responden

Responden-Responden telah memberikan tiga hujahan untuk menafikan pertikaian ini oleh Pemohon iaitu bahawa (i) tuntutan Pemohon ditahan oleh batasan had masa, (ii) Tribunal tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar tuntutan ini kerana pihak berkuasa sebenar yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian ini ialah Mahkamah Perusahaan dan (iii) samada Pemohon dipecat secara terancang atau meletakkan jawatan sebagai Pengurus Ladang. Tribunal berpendapat bahawa ketiga-tiga isu yang dihujahkan oleh Responden-Responden dipertimbangkan secara bersama.

(i) Had Masa:

Responden-Responden menghujahkan bahawa Pemohon telah meletakkan jawatan pada tahun 2003. Tuntutan pertikaian ini hanya difailkan pada 9.1.2012 iaitu selepas lebih kurang hampir 9 tahun daripada tarikh Pemohon mendakwa dipecat secara terancang.

Seksyen 6 Akta Had Masa 1953 telah menghadkan sebagaimana berikut:

“6. Limitation of actions of contract and tort and certain other actions.

(1) Save as hereinafter provided the following actions shall not be brought after the expiration of six years from the date on which the cause of action accrued, that is to say -

- (a) actions founded on a contract or on tort;*
- (b) actions to enforce a recognisance;*
- (c) actions to enforce an award;*
- (d) actions to recover any sum recoverable by virtue of any written law other than a penalty or forfeiture or of a sum by way of penalty or forfeiture.*

(2) An action for an account shall not be brought in respect of any matter which arose more than six years before the commencement of the action...”

Menurut Responden-Responden, Seksyen 6 Akta Had Masa 1953 menghalang Pemohon daripada membuat tuntutan ke atas Responden selepas tempoh enam (6) tahun daripada tarikh Pemohon didakwa dipecat.

Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1957 juga memperuntukkan had masa yang lebih ketat dan mandatori iaitu:

“20. Representations on dismissals.

“(1) Where a workman, irrespective of whether he is a member of a trade union of workmen or otherwise, considers that he has been dismissed without just cause or excuse by his employer he may make representations in writing to the Director General to be reinstated in his former employment; the representations may be filed at the office of the

Director General nearest to the place of employment from which the workman was dismissed.

(1A) The Director General shall not entertain any representations under subsection (1) unless such representations are filed within sixty days of the dismissal:

Provided that where a workman is dismissed with notice he may file a representation at any time during the period of such notice but not later than sixty days from the expiry thereof.”

Menurut Responden-Responden, Pemohon sengaja membuat tuntutan isu ini di Tribunal Koperasi memandangkan had masa di Mahkamah Perusahaan lebih ketat dan mandatori iaitu dalam tempoh 60 hari dari tarikh dipecat dan/atau diberhentikan menurut peruntukan seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1957. Oleh itu, dengan alasan ini sahaja, Responden-Responden menghujahkan bahawa isu pemecatan terancang Pemohon sebagai Pengurus Ladang wajar ditolak oleh Tribunal.

(ii) Bidang kuasa

Responden-Responden berhujah bahawa Tribunal tiada mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan pemecatan secara terancang kerana persoalan berkaitan tuntutan pemecatan terancang merupakan suatu tuntutan yang jatuh di bawah bidang kuasa Akta Pekerjaan 1955 dan/atau Akta Perhubungan Perusahaan 1957.

Dalam satu kes pemecatan salah yang melibatkan kakitangan koperasi, ***Koperasi Pekerja-Pekerja Stevedoring Pelabuhan Bhd v Ebnusama bin Ali & Ors [1996] 1 LNS 314***, Perayu di dalam kes ini merayu dan berhujah bahawa:

“The Industrial Court with respect notwithstanding that the Industrial Relations Act, 1967 covers Sabah vide P.U 9411967 has no jurisdiction as there was then in force in 1992 a specific law governing the dispute in question (Ordinance 3 of 1958) which was only repealed by the extension of the Co-operative Societies Act 1993 on 2nd January 1994 ...”

Mahkamah dalam kes ini merujuk kepada kes **Syarikat Bekerjasama-Sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan Berhad v Majlis Perbandaran Pulau Pinang [1996] 2 AMR 1697 CA**, dan memutuskan bahawa:

“... This intention to extend the jurisdiction of the Industrial Court to co-operative societies was continued when the Ordinance was replaced by the Co-operative Societies Act 1993 which came into force on January 22, 1994, where s 90 of that Act provides that ‘the provisions of the laws for the time being in force relating to trade unions, associations, societies and companies shall not apply to societies registered under this Act.’ which provision did not include trade dispute and trade relations and such must have been intentionally excluded. The Industrial Court thus has jurisdiction.”

Merujuk kes di atas, Responden berhujah bahawa persoalan pemecatan terancang adalah merupakan satu isu yang bukannya berkaitan dengan perjalanan koperasi. Oleh itu, ianya tidak sepatutnya dirujuk kepada Tribunal. Bagi isu ini, Pemohon merupakan seorang pekerja dan tuntutan yang hendak dibuat adalah berkenaan salahlaku majikannya. Oleh itu, forum yang wajar mendengar pertikaian ini adalah Mahkamah Perusahaan.

(iii) Samada Pemohon dipecat secara terancang atau meletakkan jawatan sebagai Pengurus Ladang?

Responden-Responden berhujah bahawa isu pemecatan terancang tidak timbul memandangkan Pemohon telah meletakkan jawatan secara rela hati sebagaimana surat perletakan jawatan bertarikh 1.4.2003. Episod perletakan jawatan Pemohon bermula apabila pihak pengurusan Koperasi tersebut mengetahui terdapat beberapa salahlaku yang serius dilakukan oleh Pemohon iaitu:

- 1) tidak hadir bertugas;
- 2) menjual hasil ladang kepada peraih lain yang bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga Edisi Ke-3 bertarikh 25.12.2002;
- 3) pembelian baja tanpa kebenaran dan/atau keputusan daripada Lembaga koperasi;
- 4) kehilangan jentera JCB;
- 5) perbezaan bayaran kepada pihak Agrotrop (konsultan/perunding).

Pada 29.3.2003 satu perjumpaan diadakan di antara pihak pengurusan Koperasi dan Pemohon bagi membincangkan masalah tersebut. Pemohon pada tarikh 29.3.2003 tersebut telah bersetuju untuk meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang secara lisan tanpa ada unsur paksaan dan/atau ugutan daripada pihak pengurusan.

Pada keesokan harinya iaitu 30.3.2003, pihak pengurusan Koperasi tersebut telah mengadakan satu Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi antaranya membincangkan isu perletakan jawatan Pemohon [m/s 18-24 Ekshibit R3]. Hasil perbincangan, perletakan jawatan Pemohon telah diterima di dalam mesyuarat tersebut.

Pada 1.4.2003 Pemohon telah menghantar surat bagi menjawab dakwaan salahlaku ke atasnya sebagai Pengurus Ladang.

Pemohon mendakwa Koperasi tersebut pada 21.4.2003 telah menerima surat bertarikh 1.4.2003 berkenaan perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang dan surat bertarikh 14.4.2003 berkenaan penarikan diri sebagai ahli anggota koperasi tersebut. Pemohon juga mendakwa bahawa Responden Pertama telah menyediakan draf bagi kedua-dua surat tersebut (yang mana dinafikan) dan ditaip oleh SR1 untuk Pemohon tandatangani. Akan tetapi, Pemohon enggan menerima kedua-dua draf surat tersebut dan mendraf surat perletakan jawatan sebagai Pengurus Ladang dan penarikan diri sebagai ahli anggota Koperasi tersebut. Pemohon kemudiannya mengarahkan SR1 untuk menaip surat tersebut dan menandatangani surat tersebut serta menyerahkan kepada Koperasi tersebut pada hari yang sama.

SR1 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau tidak ingat tarikh diarahkan Pemohon untuk menaip surat-surat tersebut tetapi SR1 sangat pasti bahawa draf surat-surat tersebut adalah tulisan tangan Pemohon dan bukannya tulisan tangan Responden 1. Apa yang SR1 pasti adalah SR1 menerima arahan daripada Pemohon sekitar bulan April untuk menaip surat-surat tersebut. SP1 juga mengakui surat di mukasurat 27 Ekshibit R4 adalah surat perletakan jawatan Pemohon apabila dirujuk kepada semasa soalan balas. Responden berhujah bahawa tidak wujud elemen ugutan untuk Pemohon meletakkan jawatan dan menarik diri sebagai anggota ahli Koperasi.

Sekiranya Tribunal masih berpendapat bahawa perletakan jawatan Pemohon adalah satu pemberhentian, Responden berhujah bahawa Responden dan pihak pengurusan Koperasi tersebut telah memberi hak untuk didengar dan/atau membela diri kepada Pemohon.

Walaupun bagaimanapun, alasan dan jawapan bagi dakwaan salah laku tersebut gagal memberi penjelasan sepenuhnya dan masih tidak memuaskan hati pihak pengurusan Koperasi tersebut. Penyerahan surat perletakan jawatan Pemohon pada 1.4.2003 menyebabkan pengurusan Koperasi sekadar hanya menerima hasrat Pemohon yang gagal menjelaskan masalah yang timbul.

Responden sekerasnya berhujah bahawa Responden dan pihak pengurusan Koperasi tersebut telah sehabis baik menjalankan tugas mengikut keadilan asasi (*natural justice*) dan masih mempertimbangkan segala alasan dan jawapan dakwaan tersebut, akan tetapi Responden dan pihak pengurusan tiada pilihan apabila Pemohon dengan rela hati meletak jawatan tersebut.

DAPATAN TRIBUNAL

Bidang kuasa

Tribunal mengambil maklum akan hujahan yang dibuat oleh Responden-Responden mengenai isu ini. Namun begitu, Tribunal merujuk kepada peruntukan spesifik dalam seksyen 82(1)(c) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang memperuntukkan seperti berikut:

“Penyelesaian pertikaian

82. (1) Jika pertikaian yang menyentuh penubuhan, undang-undang kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan suatu koperasi berdaftar berbangkit—

(a)

(b)

(c) **antara koperasi itu atau Lembaganya dengan mana-mana pegawai koperasi itu; atau**

(d)...,

pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar bagi keputusannya.

Seksyen 2 Akta 502 ini juga mentafsirkan istilah “pegawai” seperti berikut:

“pegawai” ertinya pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain sesuatu Lembaga dan termasuklah mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh peraturan-peraturan atau undang-undang kecil untuk memberikan arahan berkenaan dengan urusan koperasi berdaftar itu;”

Undang-Undang Kecil Koperasi yang telah dipinda pada 3.9.2001 dan yang sebelumnya bertarikh 16.12.1996 iaitu dalam perenggan 44(2)(n) memberi kuasa kepada Koperasi iaitu *“dengan mengeluarkan surat-surat rasmi, melantik, menggantung, membuang kerja, menetapkan kewajipan pekerja-pekerja termasuk Pengurus, menetapkan gaji mereka dan mendapatkan jaminan yang cukup bagi kesempurnaan menjalankan kewajipan mereka”*. Selaras dengan peruntukan inilah Pemohon telah dilantik oleh Koperasi sebagai Pengurus Ladang dan di bawah tafsiran istilah “pegawai” di dalam seksyen 2 Akta 502, Pemohon terjumlah dalam tafsiran “pegawai Koperasi”. Dengan itu, seksyen 82(1)(c) adalah terpakai dan Tribunal mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian ini. Isu mengenai pelantikan dan pemecatan “pegawai koperasi” tergolong dalam bidang kuasa Tribunal ini selaras dengan peruntukan seksyen 82(1) (c) Akta 502. Tribunal mengambil maklum tentang keputusan Mahkamah dalam kes ***Syarikat Bekerjasama-Sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan Berhad v Majlis Perbandaran Pulau Pinang [1996] 2 AMR 1697 CA*** yang dirujuk dalam kes ***Koperasi Pekerja-Pekerja Stevedoring Pelabuhan Bhd v Ebnusama bin Ali & Ors [1996] 1 LNS 314***, dan berpendapat bahawa seseorang pegawai yang mempunyai pertikaian

dengan sesebuah Koperasi berdaftar mengenai "*pengurusan atau perniagaan*" sesebuah Koperasi berdaftar itu boleh memilih untuk merujukkan pertikaian itu sama ada kepada Tribunal Koperasi atau ke Mahkamah Perusahaan. Terpulanglah kepada Pemohon untuk memilih merujukkan pertikaianya kepada pihak berkuasa berkenaan yang mana yang mempunyai bidang kuasa ke atas pertikaianya itu. Dalam pada itu juga, apa-apa rujukan pertikaian di bawah seksyen 82(1) Akta 502, Suruhanjaya Koperasi Malaysia mempunyai budi bicara untuk menentukan cara mana pertikaian itu wajar diselesaikan iaitu sama ada diputuskan oleh Suruhanjaya sendiri, dirujukkan kepada penimbangtara, dirujukkan kepada Tribunal atau dirujukkan kepada Mahkamah.

Penamatan terancang ke atas Pemohon

Tribunal berpuashati secara sebulat suara bahawa Pemohon telah dihentikan secara terancang oleh Responden-Responden. Isu bahawa Pemohon meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang secara sukarela dan tiada apa-apa unsur paksaan oleh Responden-Responden seperti yang diujahkan oleh Responden-Responden tidak mempunyai asas. Ini dapat dilihat dimana daripada dokumen-dokumen yang dikemukakan dalam Eksibit-Eksibit P1, R2 dan R3, Pemohon telah berulang kali menjawab semua persoalan dan pertuduhan yang dikemukakan oleh ALK. Pada Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Edisi 5/2003 pada 30.3.2003 pula, Responden1 telah memaklumkan Mesyuarat bahawa Pemohon telah bersetuju meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang sedangkan tiada surat demikian atau apa-apa keterangan yang menyokong perkara tersebut. Responden1 bersama-sama dengan Responden 2 dan Responden 3 mempengaruhi ALK yang lain dalam Mesyuarat tersebut untuk bersetuju membayar saguhati sebanyak RM20,000.00 kepada Pemohon kerana menghargai perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pemohon.

Sebaliknya adalah jelas bahawa Pemohon telah menunjukkan sikap tidak mempercayai Responden-Responden berhubung dengan pemberhentian beliau daripada jawatan Pengurus Ladang dan penarikan keanggotaannya dalam Koperasi. Keadaan ini disokong oleh keterangan SR2. Dalam pada itu juga, tiada keterangan diberikan oleh Responden-Responden mengapakah bayaran saguhati tersebut masih belum dibayar oleh Koperasi kepada Pemohon dari tarikh Mesyuarat ALK Edisi 5/2003 bertarikh 30.3.2003 diadakan yang meluluskan bayaran saguhati tersebut kepada Pemohon sehinggalah pertikaian ini dirujukkan oleh Pemohon kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 9.1.2012.

Tribunal mengambil maklum akan keterangan Pemohon bahawa Responden 1 telah mengarahkan supaya Pemohon hadir ke pejabat Koperasi pada 21.4.2003 (hari Isnin) dan mengarahkan Pemohon menandatangani surat perletakan jawatannya sebagai Pengurus Ladang dan sehubungan dengan itu juga untuk menarik keanggotaannya dalam Koperasi kerana menurut Responden 1 itu adalah prosedur Koperasi.

Walau pun tiada bukti dikemukakan oleh Pemohon bahawa Responden 1 telah menyediakan surat-surat untuk ditandatangani oleh Pemohon dan bahawa Pemohon sendiri telah menulis tangan draf surat-surat tersebut untuk ditandatangani oleh SR1, adalah jelas daripada keterangan SR1 bahawa ia ada bertanya kenapa Pemohon mengarahkannya untuk menaip surat-surat tersebut dan bahawa Responden 1 yang mengarahkannya untuk menaip tarikh surat perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang iaitu pada 1.4.2003 dan dicop terima pada 3.4.2003 pada hari tersebut menunjukkan perancangan dan campur tangan aktif Responden 1 dalam perkara perletakan jawatan Pengurus Ladang dan keanggotaan oleh Pemohon yang secara langsung menafikan ianya dibuat oleh Pemohon secara sukarela.

Had Masa

Adalah jelas bahawa Pemohon hanya memfailkan rujukan pertikaianya ke Tribunal pada 9.1.2012 iaitu selepas lebih kurang hampir 9 tahun daripada tarikh Pemohon mendakwa dipecat secara terancang oleh Responden-Responden. Tiada apa-apa penerangan yang diberikan mengenai kelewatan memfailkan tuntutan ini atau permohonan untuk melanjutkan waktu untuk memfailkan tuntutan ini atau apa-apa fakta mengenai pengakuan oleh Responden-Responden mengenai penamatan terancang tersebut pada bila-bila masa selepas 6 tahun kausa untuk memfailkan tuntutan ini wujud.

Peruntukan dalam Seksyen 6 Akta Had Masa 1953 telah menghadkan sebagaimana berikut:

“6. Limitation of actions of contract and tort and certain other actions.

(1) Save as hereinafter provided the following actions shall not be brought after the expiration of six years from the date on which the cause of action accrued, that is to say -

(a) actions founded on a contract or on tort;

(2) An action for an account shall not be brought in respect of any matter which arose more than six years before the commencement of the action...”

Oleh yang demikian, Tribunal bersetuju dengan hujahan Responden-Responden bahawa tuntutan Pemohon ini telah dihalang oleh batasan had masa. Tribunal dengan ini memutuskan sebulat suara bahawa tuntutan Pemohon mengenai penamatan terancang jawatan beliau sebagai Pengurus Ladang oleh Responden-Responden yang dirujuk kepada Tribunal pada 9.1.2012 adalah

dihalang oleh batasan had masa dan dengan demikian, hendaklah ditolak. Terpulanglah kepada Koperasi sama ada mahu mengotakan keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Edisi 5/2003 pada 30.3.2003 untuk membayar saguhati kepada Pemohon sebanyak RM20,000.00 sebagai saguhati ke atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Pemohon kepada Koperasi.

Pertikaian mengenai pemecatan keanggotaan Pemohon (Nombor Keanggotaan 018) dalam Koperasi

Hujahan Pemohon

Pemohon menghujahkan bahawa pada hari beliau diminta menandatangani surat perletakan jawatan sebagai Pengurus Ladang, Responden 1 juga meminta beliau untuk menandatangani surat perletakan keanggotaan bertarikh 14.4.2003 kerana menurut Responden 1, itu adalah prosedur Koperasi. Pemohon juga menghujahkan bahawa beliau dipecat daripada menjadi ahli Koperasi atas alasan mengambil tindakan saman terhadap Koperasi. Pemohon menegaskan bahawa tuntutan yang difailkan oleh Pemohon terhadap Koperasi adalah dalam kapasitinya sebagai bekas pekerja Koperasi iaitu Pengurus Ladang atas alasan penamatan terancang dan bukannya dalam kapasitinya sebagai anggota Koperasi.

Menerusi kaedah undi majoriti Pemohon telah dipecat tetapi Pemohon yakin kebanyakan ahli keliru di dalam membuat keputusan. Tuntutan tersebut juga difailkan dalam tempoh had masa kausa tuntutan tersebut timbul.

Pemohon juga menghujahkan bahawa Anggota Lembaga Koperasi (ALK) bertanggungjawab untuk menyemak semula keputusan Mesyuarat Agung Tahunan ke-31 berkenaan bayaran kontrak AGROTROP Plantation Sdn. Bhd. sebanyak RM188,280.00. Kepentingan Pemohon di dalam perkara tersebut adalah kerana Pemohon menyuntik modal tersebut ketika pihak Koperasi tidak

berkemampuan dari segi kewangan ketika itu. Menurut Pemohon, adalah sangat mustahil perkara penyerahan semula kawasan yang dipulihkan dan diserahkan semula kepada pihak Koperasi pada tahun 2002 ditimbulkan pula perkara bancian dan pemotongan nilai hanya pada tahun 2008. Pemohon memohon agar Tribunal mengisytiharkan bahawa pemecatan beliau sebagai anggota Koperasi adalah tidak sah.

Hujahan Responden-Responden

Perlucutan keanggotaan ahli Koperasi

Responden-Responden menghujahkan bahawa Pemohon mendakwa telah dilucutkan keanggotaan sebagai anggota Koperasi sebagaimana surat bertarikh 22.11.2008 [m/s 90 Ekshibit R3]. Menurut Responden-Responden, perlucutan keanggotaan Pemohon dalam Koperasi bermula apabila Pemohon menghantar surat penarikan diri bertarikh 14.4.2003 [m/s 28 Ekshibit R4]. Pihak pengurusan Koperasi pula telah menanggungkan perlucutan keanggotaan Pemohon tersebut melalui surat bertarikh 18.3.2004 [m/s 33 Ekshibit R4] kerana berpendapat Pemohon perlu bertanggungjawab ke atas kehilangan JCB dan perlu membayar ganti rugi kehilangan tersebut. Koperasi juga ada memberi peluang untuk Pemohon meminta maaf secara bertulis melalui surat bertarikh 13.4.2004 [m/s 46 Ekshibit R4] dan surat bertarikh 21.8.2004 [m/s 55 Ekshibit R4] tetapi akhirnya telah menarik balik penarikan diri keanggotaan Pemohon melalui surat bertarikh 21.3.2005 [m/s 61 Ekshibit R4]. Walaupun begitu, Pemohon masih memfailkan tuntutan di Mahkamah terhadap Koperasi pada 29.7.2005 untuk menuntut ganti rugi atas pemecatan beliau sebagai Pengurus Ladang dan perlucutan keanggotaan ahli koperasi tersebut. Tuntutan Pemohon telah ditolak. Ini telah membawa kepada Koperasi memulakan prosiding tatatertib ke atas Pemohon pada 24.6.2008 [m/s 70 Ekshibit R4] dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Pemohon mengapa keanggotaan Pemohon tidak boleh digantung kerana memudaratkan kepentingan Koperasi. Pemohon telah

menjawab melalui surat bertarikh 30.6.2008 [m/s 71 Ekshibit R4] tetapi Koperasi beranggapan bahawa surat tersebut sekadar luahan rasa tidak puas hati Pemohon terhadap Responden 1 dan tidak memberi penjelasan yang memadai untuk membela diri.

Pada 28.9.2008 [m/s 79 Ekshibit R4] Koperasi telah memaklumkan keputusan mesyuarat Anggota Lembaga Khas Koperasi bertarikh 28.9.2008 untuk menggantung keanggotaan Pemohon sehingga tarikh Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) yang akan datang iaitu 25.10.2008 dan menyerahkan notis mengapa keanggotaan Pemohon tidak boleh dipecat di MAT pada 25.10.2008. Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-33/2008 pada 25.10.2008 telah memutuskan memecat keanggotaan Pemohon dengan majoriti 67 undi [m/s 80-89 Ekshibit R4]. Selaras dengan keputusan MAT bertarikh 25.10.2008, pengurusan Koperasi telah mengeluarkan surat bertarikh 22.11.2008 berkenaan pemecatan Pemohon sebagai ahli anggota Koperasi dan pemulangan wang syer anggota bertarikh 22.11.2008.

Responden berhujah bahawa Pemohon dipecat oleh Mesyuarat Agung atas alasan memudaratkan kepentingan koperasi sebagaimana Perenggan 22 Undang-Undang Kecil Koperasi. Responden mengatakan bahawa alasan tatalaku Pemohon yang memudaratkan kepentingan Koperasi yang membawa kepada pemecatannya hanya wujud di mukasurat 7 Ekshibit R4. Selain daripada itu, ianya berhubung kait dengan tindakan Pemohon menyaman Koperasi. Responden berhujah bahawa tindakan salahlaku Pemohon adalah sangat serius walaupun ianya merupakan satu tindakan sebagai Pengurus Ladang kerana dalam masa yang sama Pemohon juga merupakan anggota ahli Koperasi tersebut.

Bertanggungjawab secara bersama-sama dan berasingan

Di bawah alasan ini, Responden-Responden menghujahkan bahawa Pemohon telah membuat tuntutan secara individu ke atas Responden 1, 2 dan 3 atas salahlaku mempengaruhi Koperasi tersebut berkenaan perletakan jawatan dan/atau pemecatan terancang Pemohon sebagai Pengurus Ladang dan perlucutan keanggotaan Pemohon sebagai anggota Koperasi tersebut.

Isu perletakkan jawatan dan/atau pemecatan terancang Pemohon sebagai Pengurus Ladang berlaku pada tahun 2003 di mana ketika itu Responden Pertama menjawat jawatan Pengerusi, Responden 2 adalah Setiausaha dan Responden 3 adalah Bendahari. Akan tetapi, isu perlucutan keanggotaan Pemohon hanya berlaku pada tahun 2008 di mana Responden Kedua dan Ketiga bukanlah lagi menjawat jawatan tertinggi tersebut. Responden-Responden merujuk kepada Seksyen 45(2) Akta Koperasi 1993, dan menghujahkan bahawa Responden secara *bona fide* telah menjalankan tugas sebagai Ahli Lembaga tertinggi koperasi dalam memastikan segala urusan dan perjalanan koperasi tersebut teratur. Responden secara berhemat dan tekun telah merujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sekiranya terdapat masalah atau isu yang diragui sebelum membawa isu tersebut ke mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi dan seterusnya MAT (jika perlu).

Responden-Responden membezakan kes yang telah diputuskan ***Doraisamy Ramasamy & Anor v Krishnan Perisamy & Ors, [2001] 1 LNS 150*** dan menghujahkan bahawa Pemohon telah gagal membuktikan bahawa Responden 1, 2 dan 3 secara bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab dalam pertikaian ini sebagaimana alasan-alasan berikut:

- (a) Tiada fakta dan keterangan yang kukuh membuktikan bahawa Responden 1, 2 dan 3 mempengaruhi keputusan perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang;

- (b) Pengesahan dan/atau penerimaan perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang adalah diputuskan oleh Ahli Lembaga Koperasi dalam mesyuarat bertarikh 30.3.2003 dan bukannya keputusan jawatan tertinggi koperasi;
- (c) Responden 2 dan 3 adalah tidak terlibat di dalam jawatan tertinggi pada tahun 2008 (bagi isu perlucutan keanggotaan);
- (d) Keputusan perlucutan keanggotaan ahli pemohon adalah diputuskan oleh majoriti undi di MAT dan bukannya keputusan Ahli Lembaga Koperasi atau keputusan Ahli Lembaga tertinggi;
- (e) Undi di MAT adalah merupakan undi sulit yang dikira oleh seorang wakil Pegawai Angkasa dan seorang juruaudit luar;
- (f) Tiada kenyataan daripada Responden 1, 2 dan 3 di dalam MAT yang boleh mempengaruhi keputusan undian perlucutan jawatan Pemohon;
- (g) Tiada fakta dan keterangan yang membuktikan bahawa perletakan jawatan sebagai Pengurus Ladang dan perlucutan keanggotaan ahli Pemohon adalah disebabkan oleh keputusan dan pengaruh Responden Pertama, Kedua dan Ketiga;
- (h) Segala tindakan yang dilakukan oleh Responden 1, 2 dan 3 adalah *bona fide* dalam menjalankan tugas sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Koperasi.

Berdasarkan hujahan di atas, Responden 1, 2 dan 3 adalah tidak wajar bertanggung ke atas pertikaian yang berlaku secara bersesama dan berasingan. Pemohon seolah-olah mempunyai niat jahat (*male fide*) dan dendam

kepada Responden 1, 2 dan 3 dan dengan sengaja mahu meletakkan beban tanggungan ke atas Responden dan bukannya Koperasi tersebut. Dengan alasan ini sahaja tuntutan Pemohon ini wajar ditolak.

Responden sekerasnya berhujah bahawa perletakan jawatan Pemohon adalah sah di sisi undang-undang dan bukanlah satu ugutan bagi tujuan memberhentikan Pemohon. Responden juga berhujah bahawa perlucutan keanggotaan Pemohon sebagai ahli Koperasi kerana bertindak memudaratkan Koperasi adalah sah mengikut undang-undang dan keadilan asasi.

Sekiranya Tribunal menolak segala hujahan di atas, Responden membuat kesimpulan bahawa tuntutan ini bersifat individu semata-mata dan Responden tidak seharusnya bertanggung secara bersesama dan berasingan kerana tindakan Responden adalah *bona fide*. Responden percaya sekiranya tuntutan ini dibenarkan, Ahli Lembaga Koperasi selepas ini lebih rela membiarkan mana-mana ahli dan kakitangan melakukan salahlaku daripada menanggung risiko bertanggung secara individu.

DAPATAN PANEL

Panel sebulat suara mendapati bahawa tindakan Pemohon menghantar surat penarikan keanggotaan dalam Koperasi melalui surat bertarikh 14.4.2003 adalah atas desakan Responden 1 dalam pertemuan antara Responden 1 dengan Pemohon pada 21.4.2003. Menurut Pemohon, beliau telah dimaklumkan oleh Responden 1 bahawa ia adalah peraturan Koperasi untuk Pemohon menarik keanggotaanya ekoran daripada Pemohon meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang. Tiada penafian dibuat oleh Responden 1 berhubung dengan keterangan ini. Surat penarikan keanggotaan Pemohon bertarikh 14.4.2003 sebenarnya hanya ditaip pada 21.4.2003 oleh SR1 dan dikebelakangkan tarikhnya kepada 14.1.2003 atas arahan Responden 1.

Menurut Responden, pemberhentian Pemohon daripada jawatan Pengurus Ladang telah disahkan oleh Mesyuarat ALK Edisi 5/2003 pada 30.3.2003. Tribunal memutuskan bahawa hujah ini gagal kerana Mesyuarat ALK Edisi 5/2003 tidak mempunyai apa-apa asas untuk mempertimbangkan dan meluluskan pemberhentian Pemohon sebagai Pengurus Ladang kerana surat perletakan jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang adalah bertarikh 1.4.2003 dan telah disediakan pada 21.4.2003 seperti dalam dapatan Tribunal terdahulu daripada ini.

Apa yang ada pada ALK pada Mesyuarat Edisi 5/2003 hanyalah penyampaian oleh Responden 1 (Pengerusi ALK) berkenaan beliau telah berbincang dan atas nasihat beliau, Pemohon bersetuju untuk meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang. ALK hanya mengambil maklum dan seterusnya, atas syor Responden 1, membincangkan mengenai kadar saguhati yang hendak dibayar kepada Pemohon atas khidmat yang telah diberikan oleh Pemohon kepada Koperasi. Mesyuarat ALK tersebut telah memutuskan supaya Pemohon dibayar saguhati sebanyak RM20,000.00 tetapi sehingga ke hari ini, menurut Pemohon, wang saguhati tersebut masih belum dibayar kepada Pemohon oleh Koperasi.

Tribunal juga membuat pemerhatian bahawa Responden 1 tidak memaklumkan kepada ALK dalam Mesyuarat ALK Edisi 5/2003 mengenai penarikan keanggotaan oleh Pemohon dalam Koperasi walau pun kedua-dua surat perletakan jawatan Pengurus Ladang dan penarikan keanggotaan Pemohon ditaip oleh SR1 pada hari yang sama dan ditandatangani oleh Pemohon pada hari yang sama dan dicop terima oleh SR1 pada hari yang sama tetapi diberikan kuat kuasa tarikh yang berlaianan atas arahan Responden 1.

Tribunal juga mendapati bahawa Pemohon telah melalui dokumen-dokumen dalam Eksibit P1, R2 dan R3 berulang kali menjawab segala pertanyaan, pertuduhan dan penjelasan yang dikehendaki oleh ALK mahupun MAT

mengenai pengurusan ladang, jentera dan peralatan yang dikatakan telah salah tadbir.

Tribunal juga membuat pemerhatian bahawa keadaan ini masih berulang sehinggakan surat penarikan keanggotaan Pemohon telah ditangguhkan pada 18.3.2004 selepas hampir satu tahun Pemohon mengemukakan surat penarikan keanggotaanya kerana ALK mahukan Pemohon untuk bertanggungjawab ke atas kehilangan JCB dan perlu membayar ganti rugi kehilangan tersebut. Sebaliknya, walaupun Pemohon telah berulang kali menjawab termasuklah mengenai kehilangan jentera JCB, ALK masih meminta Pemohon untuk meminta maaf secara bertulis melalui surat bertarikh 13.4.2004 [m/s 46 Ekshibit R4] dan surat bertarikh 21.8.2004 [m/s 55 Ekshibit R4].

Tindakan oleh ALK ini tidak masuk akal kerana tanggungan ke atas kehilangan jentera tersebut berlaku di dalam kapasiti Pemohon sebagai Pengurus Ladang. Sebagai anggota Koperasi, Pemohon tidak bertanggung. Sebarang tuntutan kepada Pemohon ke atas perkara mengenai pengurusan ladang hendaklah dirujuk kepada Pemohon dalam kapasitinya sebagai Pengurus Ladang dan bukannya kapasitinya sebagai anggota Koperasi.

Tambahan lagi, menurut perenggan 13 UUK Koperasi, selepas dua belas bulan selepas anggota mengemukakan permohonan untuk menarik diri daripada Koperasi, keanggotaan anggota tersebut hendaklah terhenti. Sebaliknya ALK telah memutuskan untuk menangguhkan penarikan keanggotaan Pemohon pada 18.3.2004 dan akhirnya telah menarik balik penarikan keanggotaan Pemohon pada 21.3.2005 iaitu hampir dua tahun selepas menerima surat penarikan keanggotaan oleh Pemohon.

Karenah ALK sedemikian memperlihatkan betapa ALK membuat keputusan sewenang-wenang walaupun kuasa sedemikian tidak diperuntukkan dalam UUK. Tribunal mengambil maklum bahawa tindakan Pemohon memberitahu SR2

supaya jangan cuba memerangkapnya apabila cuba berbincang supaya Pemohon menarik balik penarikan keanggotaannya selepas lebih daripada dua belas bulan Pemohon didesak untuk menandatangani surat penarikan keanggotaannya dalam Koperasi oleh Responden 1 adalah selaras dengan kekeliruan yang boleh timbul oleh tindak-tanduk ALK yang diluar peruntukan UUK Koperasi.

Isu yang timbul ialah sekiranya surat penarikan keanggotaan Pemohon bertarikh 14.4.2003 adalah sah, maka selepas berlalunya tempoh dua belas bulan daripada tarikh tersebut, samada keanggotaan Pemohon dalam Koperasi hendaklah terlucut?

Untuk menjawab isu ini, Tribunal akan melihat keadaan pengetahuan (*state of mind*) Pemohon bagi menentukan niat Pemohon. Daripada keterangan Pemohon dalam Pernyataan Saksinya dan dalam Eksibit P1, beliau telah didesak oleh Responden 1 pada 21.4.2003 untuk menandatangani surat perletakan jawatannya sebagai Pengurus Ladang dan mengikut peraturan Koperasi, Pemohon juga hendaklah menarik keanggotaannya dalam Koperasi. Oleh yang demikian, Pemohon telah menandatangani surat penarikan keanggotaannya dalam Koperasi yang telah dikebelakangkan tarikhnya atas arahan Responden 1 kepada 14.4.2003.

ALK kemudiannya memutuskan untuk menangguhkan penarikan balik Pemohon pada 18.3.2004 dan akhirnya telah menarik balik penarikan keanggotaan Pemohon pada 21.3.2005. Fakta ini meyakinkan Pemohon bahawa keanggotaannya dalam Koperasi telah dipulihkan. Ini dapat dilihat apabila Koperasi melucutkan keanggotaan Pemohon dalam MAT pada 25.10.2008, Pemohon telah mempertikaikan keputusan MAT tersebut dan merujuk pertikaianya kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 9.1.2012 kerana percayakan bahawa beliau masih merupakan anggota Koperasi yang sah sebelum MAT memutuskan melucutkan keanggotaannya.

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan ini, Tribunal ini berpuas hati bahawa tindakan Pemohon menandatangani surat penarikan keanggotaannya dalam Koperasi bertarikh 14.4.2003 adalah atas desakan oleh Responden 1 bahawa ia adalah prosedur Koperasi untuk beliau berbuat demikian apabila meletakkan jawatannya sebagai Pengurus Ladang. Oleh yang demikian, Tribunal ini mendapati surat penarikan diri Pemohon adalah tidak sah dan tidak mengikat ke atas Pemohon kerana terdapat salah pernyataan oleh Responden 1 ke atas Pemohon bahawa Pemohon perlu menarik keanggotaannya akibat meletakkan jawatan sebagai Pengurus Ladang dan Pemohon mempercayai salah pernyataan oleh Responden 1 dan bertindak di atas salah pernyataan tersebut. Tribunal ini juga membuat pemerhatian bahawa di bawah UUK 13(1), hanya anggota yang telah mengemukakan notis penarikan keanggotaannya yang mempunyai kuasa untuk menarik balik penarikan keanggotaannya itu dan bukannya Koperasi. Malahan, di bawah UUK 13(1), Koperasi hanya boleh menyegerakan penarikan keanggotaan mana-mana anggota iaitu lebih awal daripada tempoh dua belas bulan daripada tarikh penerimaan notis penarikan keanggotaan tersebut atas sebab-sebab tertentu.

Seterusnya Tribunal membuat pemerhatian bahawa Pemohon masih memfailkan tuntutan di Mahkamah terhadap Koperasi pada 29.7.2005 walaupun ALK Koperasi telah menarik balik penarikan keanggotaan Pemohon pada 21.3.2005. Tribunal memerhatikan bahawa Pemohon memfailkan tuntutannya terhadap Koperasi di dalam kapasitinya sebagai Pengurus Ladang dan bukannya anggota Koperasi untuk membuat tuntutan penamatan terancang sebagai Pengurus Ladang dan menuntut gantirugi. Sehubungan dengan itu, Tribunal mendapati tidak terdapat asas yang sah untuk surat tunjuk sebab dikeluarkan, penggantungan keanggotaan Pemohon dibuat dan seterusnya pemecatan keanggotaan Pemohon di dalam Koperasi di bawah UUK22(1) oleh MAT berdasarkan kepada Tindakan Mahkamah yang diambil oleh Pemohon terhadap Koperasi dalam kapasitinya sebagai Pengurus Ladang.

Oleh yang demikian, Tribunal mengistiharkan bahawa keputusan MAT untuk memecat keanggotaan Pemohon daripada Koperasi berasaskan tindakan Mahkamah yang dibuat oleh Pemohon terhadap Koperasi dalam kapasiti Pemohon sebagai Pengurus Ladang adalah tidak sah. Tribunal juga membuat pemerhatian bahawa sebarang pemecatan keanggotaan mana-mana anggota atas alasan anggota tersebut telah mengambil tindakan Mahkamah terhadap Koperasi di mana tindakan tersebut dianggap sebagai telah memudaratkan Koperasi adalah tidak sah melainkan Mahkamah yang kepadanya anggota berkenaan telah memfailkan pertikaianya mendapati pemfailan tuntutan tersebut adalah remeh, menyusahkan atau suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

Sebarang tafsiran bahawa sesuatu pemfailan tindakan Mahkamah oleh mana-mana anggota Koperasi berdaftar adalah terjumlah kepada perbuatan yang memudaratkan Koperasi berkenaan adalah terjumlah kepada penafian hak anggota tersebut untuk menuntut keadilan di Mahkamah, iaitu suatu Hak Asasi yang diperuntukkan dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan iaitu Hak Kebebasan Seseorang. Kecualian kepada hak ini ialah sekiranya Mahkamah yang kepadanya suatu tuntutan telah difailkan memutuskan bahawa tuntutan tersebut adalah remeh, menyusahkan atau terjumlah kepada suatu penyalahgunaan proses Mahkamah. Sekiranya pendekatan ini digunapakai oleh Koperasi, ini bermakna selagi seseorang itu menjadi ahli Koperasi, maka ia akan kehilangan hak untuk merujukkan tuntutannya ke Mahkamah terhadap Koperasi kerana tindakan tersebut boleh memudaratkan Koperasi di mana Tribunal mendapati pendekatan sebegini adalah bertentangan dengan Hak Asasi yang dilindungi di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kes ini, Tribunal juga mendapati bahawa pengedaran kronologi kesalahan Pemohon kepada MAT hanya dibuat selepas Pemohon membuat pembelaan dan selepas pengedaran kronologi kesalahan Pemohon itu, Pemohon tidak lagi

diberi peluang untuk membuat penjelasan. Pemohon juga hanya diberi masa 10 minit sahaja untuk membuat pembelaan terhadap tuduhan yang dikemukakan oleh Setiausaha Koperasi dalam Mesyuarat Agung tersebut.

Akhir sekali, Tribunal mendapati bahawa Responden-Responden tidak lagi memegang jawatan ALK semasa MAT bertarikh 25.10.2008 diadakan. Walaupun begitu, oleh kerana pemecatan keanggotaan Pemohon dalam MAT bertarikh 25.10.2008 adalah berkaitan dengan tuntutan Mahkamah yang telah difailkan oleh Pemohon dalam kapsitinya sebagai Pengurus Ladang yang dihentikan secara terancang oleh Responden-Responden, maka di atas dasar tanggunggan bersama-sama, Responden-Responden yang merupakan bekas ALK Koperasi adalah bertanggunggan bersama-sama dengan ALK yang berkuatkuasa semasa MAT bertarikh 25.10.2008 diadakan ke atas pemecatan keanggotaan Pemohon.

AWARD TRIBUNAL

Tribunal dengan ini menolak pertikaian Pemohon ke atas Responden-Responden ke atas penamatan terancang jawatan Pemohon sebagai Pengurus Ladang kerana pertikaian tersebut telah difailkan diluar had batasan masa yang diperuntukkan dalam seksyen 6(1)(a) Akta Had Masa 1953. Berhubung dengan bayaran saguhati sebanyak RM20,000.00 yang telah diputuskan oleh Mesyuarat ALK Edisi 5/2003 bertarikh 30.3.2003 di atas khidmat yang telah diberikan oleh Pemohon kepada Koperasi, terpulanglah ke atas Koperasi sama ada hendak menunaikan keputusan Mesyuarat tersebut. Memandangkan salah satu objektif utama Koperasi adalah untuk menjaga kebajikan dan kepentingan setiap anggotanya, Tribunal menyerahkan kepada kebijaksanaan dan budi bicara ALK untuk menangani perkara berkaitan bayaran saguhati ini.

Berkaitan dengan pemecatan keanggotaan Pemohon dalam Koperasi oleh MAT pada tarikh 25.10.2008, Tribunal memerintahkan supaya keanggotaan Pemohon dalam Koperasi dikekalkan dan Pemohon diberi dan dibayar segala hak yang

Pemohon berhak menikmati sebagai anggota seolah-olah pemecatan keanggotaan Pemohon tersebut tidak pernah berlaku. Pemohon juga hendaklah membuat bayaran balik kepada Koperasi akan apa-apa syer atau bayaran lain yang telah dipulangkan oleh Koperasi kepada Pemohon sejajar dengan keputusan MAT pada 25.10.2008.

.....
HAMIDUN BIN DATUK HAJI ABDUL FATAH
PENGERUSI TRIBUNAL
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

25 JANUARI 2013